

# SEBAB? KITA LEMAH D.

## Usaha lebih tek jamin kejayaan

**KOTA BAHARU, Khamis** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat negara ini akan kehilangan kebebasan, jika mereka tidak mahu bekerja kuat dan sentiasa bergantung kepada orang lain membuat kerja-kerja yang mereka boleh lakukan sendiri.

"Sekiranya, kita tidak sanggup bekerja kuat, kita akan ketinggalan ke belakang dan menjadi lemah, akhirnya kita akan ditakluki secara tidak langsung oleh orang lain," lambah beliau.

Katanya, sejarah negara ini membuktikan, antara sebab-sebab berbilang kaum ialah kerana rakyatnya, khususnya, orang Melayu ini dan itu seperti bekerja long-bong, ladang getah dan tempat-tempat lain.

"Oleh kerana itu, orang-orang dari tempat lain, terpaksa dibawa ke negara ini untuk mengilang tempat-tempat berkenaan dan timbulah masalah hak mereka,

berbanding dengan hak kita. "Oleh kerana kita lemah, maka terpaksa lah kita mengakui bahawa mereka juga mempunyai hak," tambah beliau sewaktu merasmikan konvensyen UMNO Kelantan keempat di Kem Kijang, kira-kira 10 km dari sini petang ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah yang juga Pengurusai Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad bin Yusoff dan Timbalannya Encik Ariffin Said.

"Negara kita sudah menjadi negara berbilang kaum, dan kita tidak merasa kuariter dengan bilangan orang-orang yang telahpun tinggal dan taat setia kepada negara kita hari ini," jelas Perdana Menteri lagi.

Bagaimanapun, jelas beliau lagi, sekiranya hari ini kita masih membiarkan orang-orang lain dan sebagainya, membuat kerja-kerja yang boleh dilakukan sendiri, maka satu hari nanti, negara tidak akan boleh bergerak tanpa pertolongan orang lain.

"Di waktu itu kita akan kehilangan kebebasan kita," tam-

bah Datuk Seri Dr. Mahathir lagi. Beliau menaruh perhatian mengenai keadaan yang berlaku di negara-negara Arab sekarang, walaupun mereka menggunakan wang ringgit sendiri untuk membangunkan negara, mereka terpaksa bergantung kepada orang-orang mendatang.

Katanya, keadaan terpaksa bergantung kepada bangsa mendatang seperti yang dialami oleh orang-orang Arab itu, akan menyebabkan satu hari nanti, rakyat mereka akan menjadi golongan minoriti di negara mereka sendiri, kerana tidak dapat bergerak tanpa bantuan orang luar.

Bagi mengelaskan keadaan itu berlaku di sini, jelas beliau, rakyat mestilah sanggup membuat apa sahaja kerja yang perlu dibuat oleh mereka, bukan semata-mata untuk mencari pendapatan, tetapi memelihara kemerdekaan negara ini.

Sebab itulah kerajaan sekarang ini mendedah supaya rakyat bekerja lebih kuat dan menjadikannya sebagai satu hari nanti, mereka dapat membebaskan diri dari bergantung kepada orang yang mendatang.

"Perkara ini sangat penting dan ini hendaklah diasahkan kepada seluruh rakyat ahli UMNO yang menjadi pendokongnya,"

Menurut Perdana Menteri lagi, UMNO mestilah menyampaikan kepada rakyat apa maknanya bekerja kuat ini dalam konteks pembangunan, perubangan negara dan dalam konteks kemerdekaan negara. Beliau mengingatkan, jika rakyat tidak diingatkan tentang pentingnya perkara itu, lebih ramai orang mendatang di negara ini untuk mengisi kekosongan yang ada dan ini akan menimbulkan lebih banyak masalah sebagai akibatnya. Katanya, "Jika ini berlaku, kita tidak akan dapat bergerak tanpa pertolongan orang lain dan di waktu itu, rakyat akan kehilangan kebebasan mereka."

Oleh itu, Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya menaman sikap membuat sendiri perkara yang mereka boleh lakukan dan jangan semata-mata mengemukakan sesuatu denak dan lu kepada kerajaan atau pihak lain untuk dilaksanakan.

Di samping itu, Perdana Menteri juga mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan melayangkan kritikan kepada parti atau kerajaan sehingga boleh menjadi modal parti lawan.

No. Siri ..... 6666 .....  
No. Penermaan ..... 983 / 86 .....